

Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti

Ingenuity Value of Bendahara Tun Perak in Developing A Model of Leadership with Integrity

A. Halim Ali

halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Abdul Malik

abdulmalik@umrah.ac.id

Universitas Maritim Raja Ali Haji,

Tanjong Pinang, Indonesia.

Received: 05 September 2020; **Accepted:** 24 April 2021; **Published:** 03 May 2021

To cite this article (APA): Ali, A. H., & Abdul Malik, . (2021). Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 26-39. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.3.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.3.2021>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan memperincikan ciri-ciri bijaksana kepimpinan Tun Perak yang sejajar dengan nilai integriti dengan tujuan membangunkan satu kerangka model kepimpinan berintegriti yang boleh dijadikan contoh kepemimpinan masa kini. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Sumber utama kajian adalah teks *Sulalatus salatin* yang dikaji oleh Muhammad Haji Salleh dan teks *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka* oleh Muhd Yusof Ibrahim (2009). Aspek utama yang diberi tumpuan dalam analisis ini ialah sifat bijaksana yang meliputi sifat manusia berakal budi, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik sejajar dengan maksud integriti. Hasil analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati nilai bijaksana Bendahara Tun Perak tergambar pada tiga sifat utamanya, iaitu akal budi, kepandaian dan sikap berhati-hati. Akal budi yang ada pada diri Tun Perak terbina sejak beliau masih kecil menerusi didikan dan pesanan-pesanan kebaikan ayahandanya. Kepandaian Tun Perak pula dapat dikesan dalam empat perkara iaitu pandai mengatur strategik perang, mentadbir, menasihatkan sultan dan memajukan perdagangan. Nilai bijaksana Tun Perak juga turut memancarkan lapan ciri kepimpinana yang dapat dijadikan contoh kepimpinan berintegriti yang boleh diketengahkan dalam kepimpinan masyarakat dan negara pada pada hadapan.

Kata Kunci: Bijaksana; Akal budi; Pandai, Berhati-hati. Integriti

ABSTRACT

This study is aimed at analyzing and detailing the Tun Perak leadership's worthy characteristics in line with the integrity value with the aim of developing a model of leadership with integrity that can be an example for current leadership. This study is a library research using content and descriptive analysis methods. The main sources are the text of `Sulalatus salatin` (2009) studied by Muhammad Haji Salleh and the text of `Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka` by Muhd Yusof Ibrahim (2009). The main focused on in this analysis is the nature of wisdom which includes the nature of human beings who are prudent, knowledgeable, clever, careful and ingenious in line with the meaning of integrity. This study found that the wise value of Bendahara Tun Perak is reflected in three main characteristics, namely common sense, intelligence and caution. Tun Perak's intellect was built since he was a child through his father's upbringing and kind messages. Tun Perak's ingenuity can be traced in four things, namely his skill in organizing war strategies, administering, advising the

sultan and developing trade. Tun Perak's wise values also radiate eight characteristics of leadership that can be used as an example of leadership with integrity that can be highlighted in the leadership of the community and the country in the future.

Keywords: Ingenuity, Intellect; Clever, Being careful. Integrity

PENGENALAN

Tun Perak ialah salah seorang tokoh politik yang penitng dalam sejarah kesultanan Melaka abad ke-15. Ayahnya bernama Tun Perpatih Sedang. Adik beradik seibu sebapa ada tiga orang, iaitu kakaknya bernama Tun Kudu dan adik lelakinya bernama Tun Perpatih Putih. Tun Perak memegang beberapa jawatan penting dalam pentadbiran, antaranya jawatan Penghulu Kelang, Bentara Melaka, Perdana Menteri dan jawatan terknanan iaitu sebagai Bendahara Melaka dengan gelaran Paduka Raja.

Tun Perak berkhidmat dalam pentadbiran empat orang sultan Melaka iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansyur Shah, Sultan Alauddin Riaayat Shah dan Sultan Mahmud Shah, dalam masa yang sama beliau merupakan tokoh paling lama menyandang jawatan Bendahara dan berkhidmat dengan kesultanan Melaka (Mohd Yusoff Hashim, 2008). Ayahnya Tun Perpatih Sedang berjawatan sebagai Bendahara Melaka, manakala adik Tun Perak, iaitu Tun Perpatih Putih menjadi Bendahara Melaka selepas Tun Perak. Salah seorang anak Tun Perak, iaitu Paduka Tuan memegang jawatan penting dalam pemerintahan Melaka dengan gelaran jawatan Bendahara Lubuk Batu (Bendahara Tepok. (Mohd Yusoff Hashim, 2008). Berdasarkan kepada jurai keturunan, dapat dikatakan Tun Perak adalah dalam kalangan golongan elit dan menjadi sebahagian daripada entiti penting pentadbiran kesultanan Melaka.

Keterlibatan Tun Perak dalam pentadbiran negeri Melaka telah menjadi rakaman sejarah penting yang banyak digambarkan dalam karya kesusasteraan dan teks sejarah. Unsur sejarah yang dihadirkan itu hanya salinan semula sejarah lalu (Ghazali Taib & Abdul Halim Ali, 2018). Meskipun ianya merupakan sebuah salinan semula, namun peranan Tun Perak sebagai seorang Bendahara dan pemimpin terbaik dalam era kesultanan Melaka abad ke-15 tetap signifikan sehingga ke hari ini.

PERMASALAHAN

Sebagai seorang pentadbir yang paling kanan dalam pemerintahan, Tun Perak dilihat sebagai sebagai seorang watak terpenting yang menentukan hala tuju pemeintahan. Pandangan dan cadangan Tun Perak atas sifatnya sebagai Bendahara, tidak pernah tidak diperkenan sultan, malah dalam konteks kekuatan ini, dapat dikatakan bahawa cakap Tun Perak seperti cakap sultan. Oleh hal yang demikian Muhd Yusof Ibrahim (2008) mendeskripsi kehebatan dan kebijaksanaan Tun Perak dengan panjang lebar dan meletakkan Tun Perak sebagai tokoh pencetus wawasan empayar Melaka.

Pandangan dan rumusan yang diberikan oleh Muhd Yusof Ibrahim (2008) dalam bukunya berjudul *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka* buka sahaja ingin menunjukkan identiti 'keluarbiasaan' Tun Perak dalam kepimpinannya, tetapi juga merupakan suatu pengisytiharan sejarah yang penting. Selain Tun Perak, gambaran kehebatan dan kebijaksanaan tokoh yang berjawatan Bendahara Melaka kelihatan 'tenggelam' dan tidak menampakkan ikon yang boleh diketengahkan dengan ciri-ciri kepimpinan yang bijaksana.

Kepimpinan bijaksana Tun Perak ini juga dinukil oleh Tun Seri Lanang dalam teks *Sejarah Melayu*. Nukilan ini bagi menggambarkan bahawa Melaka juga memiliki pemimpin yang bijaksana, selain Majapahit yang memiliki Patih Aria Gajah Mada dan kerajaan Pasai yang memiliki Orang Kaya Keanyan. Tun Seri Lanang pengarang *Sejarah Melayu* menyebutkan seperti yang berikut;

‘Adapun, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya; pertama Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana, di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada namanya; dan di Pasai, Orang Kaya Kenayan namanya, di Melaka, Bendahara Paduka Raja namanya’.

(Mohammad Hj.Salleh, 2009)

Kebijaksanaan Tun Perak juga diceritakan oleh A. Ghani Abdullah (2003) dalam bukunya berjudul *Tun Perak yang Bijaksana*, Hamzan Hamdani (1977) dalam bukunya berjudul *Tun Perak Pahlawan Melaka*. Dalam Britannica.com ada menyebutkan tentang Tun Perak seperti yang berikut;

‘He proceeded with an aggressive foreign policy that resulted in a loose empire embracing the whole southern half of the Malay Peninsula and a portion of the east coast of Sumatra. Muzaffar Shah died about 1459, and the next three sultans, Mansur Shah, Ala’ud’din, and Mahmud Shah, who were all related to Tun Perak, apparently owed their positions to his influence’.

(<https://www.britannica.com/biography/Tun-Perak>)

Berasaskan pandangan dan keterangan tentang kebijaksanaan Tun Perak seperti yang digambarkan oleh ramai penulis, kajian ini percaya bahawa kebijaksanaan Tun Perak merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam konteks untuk melihat signifikasinya dalam pentadbiran, pemimpin dalam rumah tangga, contoh terbaik masyarakat dan ikon kepimpinan yang perlu dicontohi.

Meskipun Tun Perak digambarkan sebagai seorang pemimpin yang hebat dengan sifat kebijaksanaannya, tetapi tidak banyak kajian ilmiah dilakukan bagi menyelongkari sifat bijaksana dan kehebatan kepimpinannya dalam kerajaan Melaka, melainkan kajian yang pernah dilakukan oleh Al-Amril Othman & Mohamad Rodzi Abd Razak (2016) dan beberapa penulisan lain tokoh Tun Perak disisipkan dalam penceriaannya.

Kegemilangan kerajaan Melaka dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dalam era pemerintahan empat orang sultan dapat dijadikan sebagai bukti kukuh dan asas untuk membina watak kepimpinan masyarakat dan negara pada masa kini dan akan datang. Kebijaksanaan dan kehebatan kepimpinan Tun Perak perlu dijelmakan dalam bentuk model agar dapat dirujuk dan dijadikan panduan memilih, mencorak dan melantik pemimpin yang bakal memimpin masyarakat dan negara.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan dan memperhalusi ciri-ciri sifat bijaksana Bendahara Tun Perak sepertimana yang digambarkan dalam teks *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka`* (2008) karya Muhd Yusof Ibrahim. Selain merujuk teks yang dikarang oleh Muhd Yusof Ibrahim, kajian ini juga merujuk teks *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang yang dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (2009). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mereka bentuk sebuah model kepimpinan yang boleh menerangkan secara konseptual ciri-ciri kepimpinan bijaksana.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah analisis deskriptif. Menurut A.Halim Ali (2019), kaedah ini sesuai digunakan bagi kajian yang lazimnya menggunakan teks sebagai sumber kajian. Sumber utama kajian ialah teks karangan Muhd Yusof Ibrahim (2008) berjudul *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka`* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain teks ini, teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) karangan Tun Seri Lanang yang dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (2009)* juga dirujuk. Sumber-sumber sekunder terdiri daripada jurnal akademik dan buku ilmiah.

Bagi memperincikan dan menghalusi ciri-ciri bijaksana Tun Perak, kajian ini berpandukan definisi bijaksana yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (Edisi Keempat, (2005) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Definisi bijaksana yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (Edisi Keempat) ialah berakal budi, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik. Selain itu, bagi memadankan nilai bijaksana dengan pentadbiran, analisis juga merujuk kepada istilah integriti dalam menjustifikasi konsep kepimpinan yang baik seperti yang tergambar dalam kepimpinan Bendahara Tun Perak.

Akal budi' dalam kamus Simpulan Bahasa susunan Abdullah Hussain (2005) bermaksud fikiran sihat. Kata 'akal' merujuk *Kamus Dewan* (2005) bererti budi atau fikiran. Manakala kata 'budi' pula bererti akal atau kebijaksanaan akal dan budi boleh dikatakan dua perkataan yang saling paut-memaut pada makna yang mencerminkan keelokan dan kebaikan manusia dalam berfikir dan bertingkah laku.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) mengatakan bahawa akal budi bukan sekadar bermaksud mempunyai akal secara lahiriah, walau bagaimanapun, akal budi juga bermaksud menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa, dan bijak mengungkapkan makna. Bagi mereka yang mempunyai akal yang sihat ataupun berfikiran waras, mereka akan berfikir sebelum berkata-kata, dan sebelum menciptakan sesuatu karya sastera, termasuk dalam penciptaan simpulan bahasa.

Menurut *Kamus Dewan* (2005) pandai pula bermaksud cerdik atau pintar. Pandai menggunakan akal fikiran dan tergambar dalam tingkah laku dan tindakan. Manakala berhati-hati membawa maksud berjaga-jaga dan beringat-ingat sebelum atau semasa melakukan sesuatu tindakan. Tiga istilah dan defnisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (2005), iaitu digunakan dalam kajian ini iaitu istilah akal budi, pandai dan berhati sebagai asas untuk memahami dengan terperinci kebijaksanaan yang ada pada diri, tindakan dan sikap Bendahara Tun Perak.

Integriti dapatlah difahami sebagai kejujuran dan ketelusan; keadaan sempurna dan utuh, keutuhan (*Kamus Dewan* Edisi Keempat, 2005). Dalam konteks pentadbiran awam integriti lazimnya dihubungkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dan juga sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Sebarang kerja yang dibuat hendaklah dilakukan dengan penuh ketelusan. Selain itu, integriti juga berkait dengan nilai keinsanan. Othman Mustafa (2012) menyebutkan aspek keinsanan dan nilai murni adalah merupakan komponen penting dalam pembentukan nilai integriti. Aspek ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja sebaliknya mestilah diberikan penumpuan yang jitu. Integriti perlu dilihat sebagai satu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi dalam memikul dan menjalankan sesuatu tugas sama ada pada peringkat individu atau organisasi.

Pada peringkat individu, penghayatan konsep integriti bererti seseorang kakitangan perlu menunjukkan keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan, bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang, mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dan melakukan kerja dengan kualiti yang bermutu dan tepat (Megat Ayop Megat Arifin &, Abd. Halim Ahmad, 2016). Pemimpin yang berintegriti pula ialah pemimpin yang mempunyai keselarasan dengan apa yang dilakukan; keselarasan tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum (Mumtaz Began bt Abd Kadir, Norzaini Azman & Mohamed Sani Ibrahim (2010).

Analisis kandungan terhadap dua buah sumber utama kajian ini tertumpu kepada nilai bijaksana yang tergambar pada sudut akal budi, bijak dan berhemah dalam berkata-kata dan aspek kepandaian pada dirinya. Data yang dianalisis dibincangkan secara deskriptif berdasarkan maksud nilai bijaksana dan nilai integriti yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (2005).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seperti yang diterangkan sebelum ini bahawa Tun Perak merupakan seorang bendahara yang berkhidmat paling lama dalam sejarah pentadbiran empat orang sultan, iaitu sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan alaudin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Sebagai seorang pentadbirt yang berpengalaman, Tun Perak telah berbuat jasa yang banyak khususnya membawa Melaka menjadi sebuah pemerintah yang hebat dalam bidang ekonomi, politik dan sosial dan keselamatan. Kehebatan Tun Perak tergambar menerusi tindak tanduk, sikap dan keperibadiaannya yang dianggap ramai ahli kaji sejarah sebagai asas kebijaksanaan dalam mentadbir dan mengurus diri.

Berdasarkan analisis kepustakaan yang dilakukan ke atas teks *Sejarah Melayu* dan *Tun Perak Pencetus wawasan Empayar Melaka*, kajian ini dapat mengenal pasti ciri-ciri yang mencerminkan kebijaksanaan Tun Perak dari sudut akal budi, kepandaian dan sikap berhati-hatinya.

Akal Budi

Akal budi mencerminkan keelokan dan kebaikan manusia dalam berfikir dan bertingkah laku. Akal budi bukan sekadar bermaksud mempunyai akal secara lahiriah, walau bagaimanapun, akal budi juga bermaksud menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa, dan bijak mengunngkapkan makna.

Keelokan dan kebaikan nilai yang tertanam dalam diri Tun Perak bermula dengan didikan keluarga. Ayah Tun Perak iaitu Tun Perpatih Serdang adalah watak penting di sebalik pembentukan pribadi Tun Perak. Tun Perpatih Serdang sentiasa berpakaian kemas, sesuai dengan jawatannya sebagai pembesar negeri Melaka. Sewaktu Tun Perak masih remaja, beliau sering memberi nasihat kepada Tun Perak anaknya itu. Oleh itu, untuk memahami proses pembentukan nilai bijaksana dalam diri Tun Perak, kajian ini terlebih dahulu menghalusi proses awal pembentukannya.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini melihat proses awal pembentukan nilai bijaksana dalam diri Tun Perak bermula dengan didikan dan pesanan-pesanan yang disampaikan oleh ayahandanya iaitu Tun Perpatih Serdang. Antara pesanan Tun Perpatih Serdang kepada Tun Perak sekiranya Tun Perak menjadi pemimpin atau bakal pemimpin;

- a. Harus bersedia menghadapi apa-apa sahaja cabaran yang mendatang.
- b. Tidak boleh menolak jawatan lantikan raja.
- c. Kerja raja mesti dijunjung.
- d. Menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga jika ketiadaan ayahandanya.
- e. Jangan mudah terikut-ikut dengan cakap orang lain.
- f. Perlu banyak belajar dengan membaca kitab dan belajar agama.
- g. Belajar ilmu persilatan
- h. Bergaul mesra dengan rakan-rakan.
- i. Mempelajari selok-belok perjalanan negeri Melaka.
- j. Tidak gelojoh mengambil sesuatu tindakan.
- k. Melakukan kebaktian kepada raja dan negeri
- l. Mendahulukan ibadat kepada Allah
- m. Rajin berusaha dan bersikap jujur dalam pekerjaan.
- n. Jangan menderhaka kepada raja.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Nasihat-nasihat yang diberikan ayahnya adalah nasihat-nasihat moral dan agama yang cenderung kepada pembentukan sikap, nilai dan pemikiran Tun Perak menjadi seorang pemimpin yang bijaksana dan berilmu. Tun Perak pula menunjukkan sikap yang baik tatkala diberi nasihat oleh ayahandanya itu dengan memberi tumpuan terhadap apa yang diucapkan dan mendinginkan diri, iaitu tidak membantah atau mencelah secara melulu terhadap apa sahaja yang dinyatakan ayahandanya.

Sikap seorang ayah yang tulus ikhlas memberi nasihat kepada anaknya telah menumbuhkan rasa kasih dan sikap ambil berat Tun Perak terhadap ayahnya. Dalam peristiwa ayahnya dibawa oleh gerombolan orang ke istana telah menimbulkan rasa khawatir ke atas keselamatan ayahnya, sehingga menimbulkan rasa menyesal kerana tidak turut mengiringi ayahnya bersama gerombolan orang itu. Sikap ambil berat ini digambarkan oleh Muhd Yusof Ibrahim (2008) menerusi petikan seperti yang berikut;

^Pemikiran dan ingatan itu menyebabkan Tun Perak merasai betapa eratnya hubungan dia dengan ayahandanya. Apatah lagi akhir-akhir ini setelah ayahandanya sentiasa mengingatkannya

tentang tanggungjawab dan bebanan yang akna diletakkan ke atas bahunya seandainya dia mewarisi kedudukan ayahandanya kelak`

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Berikut Tun Perak menunjukkan sikap kasih terhadap ayahandanya;

`Dia lebih banyak memikirkan tentang kesejahteraan ayahandanya. Gerombolan yang mengiringi ayahandanya membawa tombak dan lembing. Ada juga yang membawa pedang selain keris tersisip pada pinggang. Mereka kelihatan seperti ingin pergi berperang`.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Ini menimbulkan rasa sesal di hatinya, kenapa dia tidak berkeras dan terus turun ke halaman rumah. Dia seharusnya menyertai gerombolan yang mengiringi ayahandanya itu. Sekurang-kurangnya dia menjadi saksi atau sekurang-kurangnya mempertahankan ayahandanya jika musuh melakukan serangan.`

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Keterangan-keterangan yang diberikan di atas menunjukkan sikap Tun Perak menggunakan akal, berfikir secara waras dan rasional terhadap tanggungjawab diri kepada ayahandanya. Meskipun masih remaja, namun ciri-ciri bijaksana telah mula tumbuh dalam dirinya tatkala berhadapan dengan situasi yang mencurigai dirinya. Meskipun curiga, Tun Perak tetap waras dalam tindak tanduknya. Dia tidak terburu-buru bertindak, tidak membuat apa-apa sangkaan buruk dan mengambil sikap tunggu dan lihat.

Bijak Dan Berhemah Dalam Berkata-Kata

Bijak dan berhemah dalam berkata-kata merupakan salah satu ciri bijaksana Tun Perak. Sikap ini dapat dikesan dalam banyak situasi dan peristiwa. Dalam situasi yang memerlukan pertimbangan akal yang lebih Tun Perak sangat berhemah memberi jawapan. Misalnya, sewaktu beliau ditanya oleh Sang Naweng yang ingin tahu berkaitan penglibatan ayahanda Tun Perak dalam melanggar istana bersama dengan gerombolan. Tun Perak menjawab tenang dengan berkata seperti yang berikut;

`ya, ayahanda hamba menyertai gerombolan yang menyerang istana. Tetapi beliau pergi dalam keadaan terpaksa.`

`semasa di istana, ayahanda hamba tidak membunuh sesiapa. Ayahanda tidak mahu menderhaka. Begitu juga Datuk Bendahara. Tegas Tun Perak.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Dengan jawapan berhemah, Tun Perak berjaya mengelak diri dari terjebak dalam sangkaan dan fitnah. Kerana itu, beliau bertutur kata dengan lemah lembut. Malah, Tun Perak juga dapat menunjukkan bahawa peristiwa gerombolan menyerang istana adalah satu perselisihan dan kekeruhan dua putera raja yang boleh diselesaikan dengan baik. Dalam hal ini Tun Perak berkata dengan bijaksana menyatakan seperti yang berikut;

`Pada pandangan ayahanda hamba, kekeruhan yang berlaku di antara utera raja itu boleh dijernihkan. Tetapi ia memerlukan masa. Ia perlu dilakukan dengan secara halus secara perundingan. Umpama menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung pun tidak beramburan`

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Jawapan dan penjelasan yang diberikan oleh Tun Perak itu, telah menimbulkan rasa senang hati sahabatnya yang mendengar. Dan ada kalangan sahabatnya yang menganggap, cara Tun Perak

memberi jawapan itu menunjukkan kebijaksanaan Tun Perak bertutur kata, sebagaimana yang disebut oleh Sang Naweng. Mendengar jawapan itu, Sang Naweng yang bertanya tadi mencelah sambil bergurau dengan katanya seperti yang berikut;

‘Wah! Kata Sang Naweng sambil bergurau. ‘Tun Perak salin tak tumpah seperti ayahandanya. Bijak bercakap. Tidak susah mendapat kerja di istana nanti’.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Meskipun dipuji oleh sahabat-sahabatnya namun Tun Perak tidak mudah termakan puji, sebaliknya beliau menunjukkan sikap berhemah dan hati-hati menerima pujian. Tatkala sahabat-sahabatnya memuji, Tun Perak dengan tenang dan berhemah menjawab seperti yang berikut;

‘Jangan tuan hamba terlalu cepat beranggapan’. Sambut Tun Perak. Ayahanda hamba masih ada dan kedudukan di istana ialah hak mutlak sultan untuk menentukannya. Jika banginda berkenan, barulah dilantiknya. Jika tidak, jangan berangan-angan’

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Demikian jawapan Tun Perak yang menunjukkan sikap bijaksananya dalam memberi pandangan, buah fikiran dan menjawab sesuatu persoalan. Petikan di atas juga membayangkan sikap Tun Perak yang tidak terburu-buru atau tidak mementingkan diri terutamanya dalam perkara berkenaan jawatan di istana. Beliau sedar bahawa jawatan di istana adalah hak mutlak sultan untuk melantik atau sebaliknya, bukan semata-mata kerana kepandaian bertutur kata.

Sikap berhemah dan bijak dalam tutur kata juga dapat dikesan sewaktu Tun Perak memberi jawapan kepada pertanyaan sahabat-sahabatnya tentang hasratnya untuk berhijrah ke Klang. Setelah ditanya oleh sahabat-sahabatnya, Tun Perak memberi jawapan bahawa penghijrahannya ke Klang adalah kerana untuk mencari lebih banyak pengalaman, selain beliau sendiri sudah menimba sedikit sebanyak pengalaman belayar ke negeri asing bersama ayahandanya.

Tun Perak tidak menunjukkan perasaan kecewanya kerana tidak diberi apa-apa kerja oleh sultan disebabkan usianya yang masih remaja. Oleh itu, dia tidak diberikan apa-apa jawatan dalaman. Dengan keadaan itu, bermakna jawatan allahyarham ayahandanya sebagai bendahara tidak diwariskan kepadanya, sebaliknya jawatan itu diberikan kepada Datuk Seri Nara Diraja Tun yang sudah tua. Keputusan itu memang agak mengecewakan Tun Perak (Muhd Yusof Ibrahim, 2008). Keadaan itu, menyebabkan Tun Perak ingin berhijrah ke tempat lain. Namun, kekecewaan itu tidak ditunjukkan dengan rasa marah atau tindakan yang di luar batas adab dan moral, sebaliknya Tun Perak berhelah dengan memberi sebab ‘untuk berhijrah dan mencari lebih banyak pengalaman’.

Di sini, dapat dilihat hemah dan sikap bijaksana Tun Perak mengawal perasaan diri dan juga perasaan sahabat-sahabatnya. Banyak kemungkinan tidak baik boleh sahaja ditimbulkan sekiranya Tun Perak menyatakan sebab sebenar beliau ingin berhijrah. Namun, Tun Perak adalah seorang yang berfikiran jauh ke hadapan dan sentiasa mendengar nasihat arwah ayahandanya. Dia teringat nasihat ayahandanya dahulu bahawa dia harus bersabar dan sambil menunggu datangnya waktu yang ditunggu itu, Tun Perak mengambil keputusan keluar dari Melaka buat seketika (Muhd Yusof Ibrahim, 2008).

Kepandaian

Kepandaian adalah nilai murni yang melambangkan kecerdikan seseorang. nilai pandai juga adalah salah satu ciri yang menampilkan sifat bijaksana. Kepandaian menunjukkan kecerdikan sama ada dalam banyak perkara atau perkara-perkara tertentu. Berdasarkan analisis data dalam teks *Sejarah Melayu* kajian Muhammad Hj.Salleh dan juga buku ‘Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka’

karya Muhd Yusof Ibrahim, kajian ini dapat mengenal pasti nilai pandai atau cerdik yang ada pada Tun Perak pada beberapa situasi dan peristiwa. Antara ciri kepandaiannya ialah seperti yang berikut;

- a. Mengatur strategik perang
- b. Mentadbir
- c. Menasihati sultan
- d. Memajukan perdagangan

Mengatur Strategik Perang

Salah satu kepandaian Tun Perak ialah mengatur strategi perang, terutamanya perang dengan Siam. Dalam perang pertama Melaka dengan Siam Tun Perak berjawatan sebagai Penghulu di Klang. Setelah dititah untuk membantu Melaka berdepan dengan Siam, Tun Perak telah pergi ke Melaka dan dengan titah yang diberikan sultan, Tun Perak telah mengumpulkan orang-orangnya bagi menentang Siam.

Untuk menaikkan semangat orang-orang Melaka agar tidak gentar berperang dengan musuh, Tun Perak menggunakan kepandaiannya memberi kata-kata perangsang, kata-kata semangat dan ikrar yang penuh nilai patriotik. Dalam satu ucapannya, Tun Perak berkata di hadapan orang-orangnya seperti yang berikut;

‘Mahukah tuan-tuan sekalian menjadi hamba kepada penjajah? Adakah tuan-tuan sanggup dan berani menggadai nyawa demi mempertahankan tanah tumpah darah kita dari musuh yang sombong itu?’

‘berjuanglah hingga ke titisan darah terakhir. Jika terkorban, jasa dan bakti tuan-tuan yang mempertahankan tanah tumpah darah ini akan sentiasa dikenang dan disebut-sebut oleh anak Melaka kita. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati hendaklah meninggalkan nama.

‘Ayuh! Jangan berundur barang setapak. Singsingkan lengan dan hunuskan senjata! Apabila berhadapan dengan musuh, jangan pula buka langkah seribu, bukalah langkah pahlawan. Serang dan musnahkan mereka habis-habisan. Hamba sendiri akan memimpin perang ini’.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Demikianlah satu cara Tun Perak memberi motivasi kepada orang-orang Melaka supaya bersikap berani menentang musuh. Dengan kata-kata perangsang dan semangat juang inilah, orang-orang Melaka berdiri teguh bersama Tun Perak menentang Siam. Orang-orang Melaka telah menentang Siam bermati-matian, sehingga tentera Siam di bawah pimpinan Awi Cakri berasa gerun.

Kepandaian Tun Perak menyusun pertahanan Melaka secara berkumpulan dan cara menyerang berperingkat-peringkat, menyebabkan tentera Siam berasa gerun. Tun Perak menunggu tentera Siam di Ulu Melaka dan sebahagian orang-orangnya bertahan dalam Kota Melaka. Tidak lama bertempur, datang pula beberapa kumpulan barisan pertahanan Melaka di bawah pimpinan para penghulu cerruk rantau yang lain pula (Muhd Yusof Ibrahim, 2008). Pertahanan yang diatur Tun Perak menyebabkan perang menjadi panjang. Tentera Siam ramai yang terbunuh. Setelah hampir sebulan, tentera Siam akhirnya berundur. Melaka dapat diselamatkan daripada jatuh ke tangan Siam.

Dalam perang Melaka dengan Siam kali kedua, Tun Perak menggunakan kepandaiannya mengatur muslihat menggunakan puntung api bagi mengelirukan perhatian dan pandangan tentera Siam. Penggunaan puntung api dekat pantai Batu Pahat sebelum sampai ke pantai Melaka memang melucukan, tetapi praktikal (Mohd Yusoff Hashim, 2008). Tun Perak memerintahkan orang-orangnya membakar puntung kayu api apabila tiba waktu malam dengan tujuan tentera Siam memikirkan banyaknya puntung kayu api yang menyala itu adalah tentera Melaka.

Kecerdikan Tun Perak membuat muslihat ini memberi hasil besar kepada Melaka. Tentera Siam yang mara ke Melaka tidak meneruskan niatnya untuk melanggar Melaka, sebaliknya berundur

setelah melihat `ramainya tentera Melaka` di tepi pantai menunggu untuk menyerang mereka. Perancangan Tun Perak adalah satu tindakan terbaik dalam konteks melindungi keselamatan Melaka. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa sikap Tun Perak yang mementingkan perancangan yang terbaik. Sikap yang ditunjukkan Tun Perak sejajar dengan pandangan Islam. Islam mengajar umatnya melakukan sesuatu pekerjaan itu hendaklah dengan cara yang terbaik yang digambarkan sebagai teratur, benar, tertib, tersusun dan tuntas yang seiring dengan konsep pengurusan dan bukannya perbuatan yang diertikan dengan kata pepatah “bagaikan melepas batuk di tangga” Hailan Salamun *et al*, 2017).

Mentadbir dan Memajukan Perdagangan

Hasil analisis juga mendapati nilai pandai atau cerdik Tun Perak tergambar dalam tugasnya sebagai pentadbir dalam politik pemimpin tentera. Sewaktu berada di Klang, Nama Tun Perak sudah dikenali ramai. Kedatangannya ke Klang sangat dialu-alukan oleh penduduk Klang, malah mereka bermesyuarat dan berpakat untuk melantik Tun Perak sebagai pemimpin yang baharu. Keadaan Klang yang tidak berubah dan tidak banyak berlaku perdagangan memerlukan pemimpin baharu. Kepimpinan baharu sudah pasti boleh memberikan nafas baharu dan suntikan yang padu bagi menghembuskan angin perubahan itu (Muhd Yusof Ibrahim, 2008). Keterujaan pendudukan untuk menjadikan Tun Perak sebagai pemimpin mereka telah menyebabkan mereka berusaha sungguh-sungguh mengadakan beberapa kali mesyuarat, sekalipun Penghulu Klang yang dilantik sejak sultan Muhammad Shah masih hidup. Penduduk Klang juga berusaha mencari jodoh buat Tun Perak. Setelah mesyuarat bersetuju dan sepakat, akhir Tun Perak dilantik sebagai Penghulu Klang.

Sewaktu menjawat jawatan Bendahara Melaka, Tun Perak dengan bijaksana memimpin tentera Melaka berjaya menghalang Siam daripada menyerang Melaka. Kepandaian memimpin dan mengatur strategi perang menyebabkan Siam berasa gerun dan takut. Demikian juga kepandaian dan kebijaksanaan Tun Perak menyusun atur pentadbiran Melaka, memantapkan perdagangan dengan menghapuskan lanun-lanun di perairan Selat Melaka yang mengganggu perdagangan. Dalam persembahannya kepada sultan tentang perihal kemakmuran Selat Melaka dan keamanan negeri Melaka, Tun Perak menyebutkan seperti yang berikut;

‘Ampun Tuanku, dalam hal ini, kita mesti mempergiat usaha yang boleh menambah kemakmuran, terutama dalam bidang perdagangan. Alhamdulillah, seperti yang kita lihat sekarang, kedatangan dagang dan sentari semakin ramai hari demi hari. Apatah lagi dari yang atas angin. Terutamanya pedagang-pedagang Islam dari Tanah Arab dan Benua Hindi. Juga dari Annam Kemboja dan China. Malah dari rantau kita ini pun tidak kurangnya. Sebahagian dari mereka merupakan pedagang besar dan kaya raya. Nanti kekayaan dan kemakmuran kita juga akan bertambah. Dengan itu, boleh cepatkan rancangan kita Tuanku` Kata Tun Perak mengakhiri sembahnya.

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Pandangan yang diberikan oleh Tun Perak ini diperkenan oleh sultan. Kepandaian Tun Perak bukan sahaja dapat dilihat pada gaya persembahannya yang meyakinkan sultan, tetapi kepandaian menunjukkan suatu perancangan masa depan untuk kepentingan negeri Melaka. Jelasnya, Tun Perak bijak dan pandai dalam kemahiran komunikasinya dengan sultan, sehingga sultan yakin dan berasa elok dengan perancangan Tun Perak itu. Inilah salah satu kunci kekuatan Tun Perak dalam mentadbir negeri yang menampakkan nilai kebijaksanaannya.

Penasihat Sultan Yang Bijaksana

Tun Perak menjadi bendahara dalam empat zaman pemerintahan sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alaudin Ria’ayat Syah dan Sultan Mahmud Syah. Beliau yang diberi gelaran Paduka Raja. Gelaran Paduka Raja menunjukkan dekatnya hubungan sultan dengan Bendahara Tun Perak. Mohd Yusoff Hashim menyebutkan bahawa;

‘Bendahara Tun Perak mempunyai rasional budaya dan politiknya sendiri. Sebagai seorang pemikir politik Melayu beragama Islam dan secara tidak disedarinya selaku pelangsong kepada ketamadunan Melayu, raja yang berdaulat adalah khalifah (Pengganti) Allah dan Rasul di dunia ini., bagi membela dan pelindung umat. Dengan demikian Allah, Rasul dan raja Melaka difalsafahkan secara vertikal dan eksplisit sebagai teras dalam proses pendaulatan dan berkerajaan demi menjaga kerukunan dan harmoni bermasyarakat’.

(Mohd Yusoff Hashim, 2009)

Pernyataan Mohd Yusoff Hashim menjelaskan bahawa kesedaran Tun Perak tentang tanggungjawabnya sebagai penerus kelangsungan peradaban bangsa Melayu dan Islam menerusi pemerintahan kesultanan yang menjadi khalifah Allah di muka bumi ini khususnya dalam konteks negeri Melaka. Oleh sebab itu, Tun Perak dalam tindak tanduknya, khususnya dalam konteks memberi nasihat kepada sultan-sultan dan memimpin orang-orang bawahannya sering dan sentiasa dibayangi nilai-nilai agamawi dan nilai-nilai murni bijaksana yang selayaknya dimiliki oleh seseorang pemimpin. Sehubungan itu, tiada buah fikiran, pandangan dan nasihat Tun Perak yang tidak diperkenan sulan. Demikian juga tiada arahan Tun Perak yang disanggah orang-orang bawahannya. Dalam teks *Sulalat as Salatin* Tun Perak ada menyebutkan hal yang berikut;

‘...hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaikan kepada Allah SWT dan RasulNya. Dan jangan kamu sekalian lupa berbuat kebaktian kepada raja kamu...maka kata hukuman, adalah raja yang adil itu dengan nabi sallallahu-alai-hiwa-sallam umpama duah buah permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zuli’ilahu-fuil’-alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu-wa-ta’-ala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya, dan akan raja’

(*Sulalat al-Salatin*, 2009)

Teras yang menjadi pegangan Tun Perak dalam memberi nasihat kepada sultan dan perintah orang-orang bawahannya ialah al-Quran dan Hadis yang menjadi sumber rujukan utama dalam Islam. Pegangan ini adalah pegangan yang lain kukuh, kerana berpegang kepada sumber al-Quran dan Hadis diberi jaminan oleh Rasulullah SAW sebagai tidak akan sesat selama-lamanya, sebagaimana maksud hadis Rasulullah SAW seperti yang berikut;

“Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang kalian tidak akan tersesat selamanya selama berpegang teguh dengan keduanya iaitu Kitabullah dan Sunnah Nabi”

(Sumber: Miski, 2016)

Bukan sahaja dalam hal ehwal pentadbiran dalam negeri, Tun Perak juga bijak memberi nasihat kepada sultan bagi perluasan kuasa di negeri-negeri yang belum menjadi jajahan Melaka. Kepandaian Tun Perak memberi nasihat tentang cara memperluaskan kuasa amat disenangi sultan. Pandangan Tun Perak yang memberi cadangan kaedah memerluaskan kuasa dengan cara halus dan berlembut itu dapat diterima sultan. Tun Perak menampilkan sikap berhemah dan strategik bagi tujuan memperluaskan kuasa tanpa pemaksaan tetapi dengan cara memujuk negeri-negeri berhampiran dan yang berada di perairan selat Melaka supaya tunduk dan mengakui kedaulatan Melaka. Bagi memperjelaskan lagi usul beliau, Tun Perak dengan berhemah berkata-kata dalam sembahnya kepada sultan seperti yang berikut;

‘Titah tuanku itu memang ada benarnya. Tetapi ia dilakukan dengan cara yang halus, beradab dan bersopan santun. Kita tidak akan melakukannya seperti seekor buaya membaham bangkai. Tidak juga seperti durian dengan mentimun, digolek kena menggolek pun kena. Ia boleh diibaratkan sebagai mencari kata sepakat. Seumpama raja dengan menteri atau seumpama keadaan telur dua sebandung, pecah satu pecah kedua-duanya. Itulah yang sebaik-baiknya tuanku, walau akan ada rintangan. Sudah tentulah masa diperlukan untuk mencapainya’

(Muhd Yusof Ibrahim, 2008)

Jawapan yang terkandung dalam sembah Tun Perak kepada sultan menampakkan sikap hemah dan bijak Tun Perak berkata-kata dan bijak memperlihatkan kepada sultan keperluan Melaka memerlukan kuasa dengan cara yang berhemah dan sopan santun, tanpa kekerasan dan paksaan. Dengan menekankan masa sebagai ukuran kejayaan, Tun Perak sebenarnya memaparkan sifat futuristiknya terhadap kejayaan negeri Melaka dalam misi itu.

Memberi nasihat kepada sultan menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2014) merupakan suatu pekerjaan yang berat dan sulit untuk dilakukan kalau tidak kena dengan cara dan gayanya. Ia memerlukan pelbagai usaha, perancangan yang teliti dan tindakan yang betul kerana raja ialah ketua tampuk pemerintahan dan simbol kerajaan serta 'bayangan Tuhan di muka bumi atau Zillullah fil alam ataupun Zilullah fil ardh. Namun begitu pada diri Tun Perak, kerja menasihati sultan tidak sukar dan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh berhikmah.

Kerangka Model Kepimpinan Berintegriti


Model kepimpinan berasaskan kepimpinan Islam banyak dibangunkan oleh pengkaji terdahulu. Suraya Ishak (2011) membangunkan 'model Etika berlandaskan Sirah Nabi Muhammad SAW'. Heni Rohaeni (2016) memperkenalkan dalam kajiannya 'Model Gaya Kepemimpinan Dan Motivasi' Terhadap Kinerja Pegawai, manakala Shahrir Mohamad Zain (2013) memperkatakan tentang 'teori Kepimpinan Islam-Melayu Tun Sri Lanang' dalam tulisannya berjudul 'Perkembangan Teori Kepemimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak Kedatangan Islam hingga Kini'. Jelasnya, banyak perbincangan yang dibuat bagi menjelaskan suatu model kepimpinan yang berkait dengan kepimpinan berintegriti mahupun kepimpinan Melayu.

Menghalusi sebahagian daripada peristiwa dan situasi yang berlaku dalam pemerintahan Tun Perak sebagai bendahara Melaka seperti yang dirakamkan dalam buku *Tun Perak pencetus Wawasan Empayar Melaka* dan buku *Sulalat al-Salatin* yang dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh, analisis ini mendapati terdapat petunjuk yang memberi gambaran sifat bijaksana yang pada diri Tun Perak. Sifat bijaksana ini dapat dirumuskan kepada lapan perkara yang berikut, iaitu;

- i. Nasihat, sebagai teras pegangan Tun Perak untuk melakukan sesuatu. Tindakan dan apa juga kerja Tun Perak lakukan sama ada atas titah sultan atau atas kuasanya sebagai bendahara, beliau sentiasa merujuk kepada nasihat ayahandanya.
- ii. Pegangan kepada agama Islam. Islam sentiasa didahulukan dalam setiap tindakan, selain nasihat ayahandanya.
- iii. Membina diri dan kepribadian dengan adat budaya.
- iv. Melaksanakan tugas dan pekerjaan berasaskan perancangan teliti.
- v. Melihat ke hadapan dengan dipandu sejarah di belakang.
- vi. Berhemah dan berhati-hati dalam tutur kata.
- vii. Memberi nasihat.
- viii. Mendahulukan kepentingan agama dan negara lebih tinggi daripada kepentingan diri.

Secara grafik lapan ciri kepimpinan bendahara Tun Perak dapat dirumuskan dalam model tiga segi berbentuk piramid seperti Rajah A seperti yang berikut;

Rajah A: Kerangka Model Kepimpinan



Berdasarkan analisis tentang sifat bijaksana Tun Perak, kajian ini merumuskan bahawa sifat ini bertunjangkan pada dua perkara utama iaitu agama Islam dan nasihat yang kemudiannya menjadi teras pembentukan ciri-ciri sifat bijaksana. Agama Islam bukan sahaja dianuti tetapi diterjemahkan oleh Tun Perak dalam kepimpinannya. Ini bermakna Tun Perak sedar akan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin, dalam konteks yang lebih luas, sebagai khalifah Allah SWT. Kedudukan sebagai pemimpin bukan bererti sekadar menjadi ketua kerajaan tetapi sebaliknya memikul amanah yang lebih besar daripada Allah SWT sebagai pemimpin kepada segenap lapisan rakyat dan seluruh negara (Muhd Norizam Jamian *et al*, 2017).

Agama Islam diletakkan sebagai puncak kepada segala tindak tanduk Tun Perak dalam pentadbiran, yang kemudiannya diterjemahkan menjadi nasihat-nasihat kepimpinan yang ditujukan kepada rakyat yang dipimpin, sultan yang didaulatkan dan diri sendiri sendiri sebagai khalifah Allah di muka bumi Melaka. Ini dapat dilihat pada kata-kata Tun Perak seperti yang terakam dalam *Sulalat al-Salatin* seperti yang berikut;

...hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaikan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Dan jangan kamu sekelian lupa berbuat kebaktian kepada raja kamu...maka kata hukuman, adalah raja yang adil itu dengan nabi sallallahu-alai-hiwa-sallam umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zuli'ilahu-fuul'-alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu-wa-ta'-ala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya, dan akan raja .

(*Sulalat al-Salatin*, 2009)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Nasihat Tun Perak ini dapat dirangkum dalam kerangka model seperti yang tergambar dalam Rajah A. Nasihat ini jelas bertunjangkan pada agama yang menjadi teras anutannya. Nasihat ini juga tertuju kepada semua pihak, sama ada rakyat jelata, ahli keluarganya, sahabat-sahabat termasuk juga sultan memerintah. Konsep yang jelas terpancar daripada nasihat Tun Perak itu ialah konsep kepatuhan berintegriti. Sultan dipatuhi kerana keadilannya dan keadilan itu bererti sultan sebenarnya menjalankan tugasnya sebagai khalifah Allah. Oleh sebab itu, rakyat dikehendaki patuh kepada sultan dan berbuat kebaktian kepadanya kerana dengan demikian bermakna rakyat juga berbuat kebaktian kepada Allah dan Rasul-Nya. Mohd Yusoff Hashim (2009) menyebutkan, inilah perlembagaan tidak bertulis yang mendasari pembinaan dan proses hala cara bernegara Melaka yang menjadi pegangan Tun Perak.

Inilah contoh kepimpinan berintegriti yang telah melahirkan sebuah kerajaan yang makmur, aman, stabil, kuat, digeruni dan disayangi. Tun Perak membuktikan bahawa pembinaan negara tidak hanya dengan kekuatan tentera dan ekonomi, tetapi yang lebih penting kekuatan integriti yang dibina

dengan sifat bijaksana yang tergambar dengan ciri-ciri terpuji dan mulia dalam semua tindakan dan perwatakan.

Tindak tanduk Tun Perak dalam pentadbiran selaras dengan perwatakan dan nilai bijaksana yang ada pada dirinya. Oleh itu, Tun Perak dapat dikatakan sebagai seorang pemimpin yang mempunyai nilai integriti yang tinggi dan membawa contoh terbaik dalam bidang kepimpinan. Pemimpin berintegriti menurut Mumtaz Began bt Abd Kadir, Norzaini Azman & Mohamed Sani Ibrahim (2010) ialah pemimpin yang mempunyai keselarasan dengan apa yang dilakukan; keselarasan tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Mereka turut menjelaskan bahawa pemimpin berintegriti memiliki nilai dan etika yang menjadi piawai bagi tingkah laku mereka.

Secara dasarnya, dapatan kajian ini dapat dijadikan asas bagi membina kerangka konsep kepimpinan berintegriti berlandaskan nasihat-nasihat yang menjadi komponen utama kepada keberhasilan sebuah pemerintahan. Pemimpin bukan sahaja menjadi sumber nasihat, tetapi juga memberi nasihat, mematuhi nasihat dan mempraktikkan isi nasihat dalam amalan kepimpinan.

RUMUSAN

Hasil analisis kandungan yang dilakukan ke atas teks `Tun Perak Pencetus Empayar Melaka` dan juga teks *Sulalat al-Salatin* dapat menunjukkan ciri-ciri yang membina sifat bijaksana Bendahara Tun Perak. Berasaskan makna bijaksana yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (2005,) tiga ciri yang dijadikan asas analisis iaitu akal budi, pandai dan berhati-hati telah dapat dikenal pasti dan dihuraikan dalam analisis berserta contoh-contoh petikan daripada teks *Sulalat al-Salatin`* dan teks *Tun Perak Pencetus Empayar Melaka*. Ciri-ciri bijaksana yang dimiliki Tun Perak ini menepati maksud pemimpin berintegriti seperti yang diberikan oleh Mumtaz Began Abd Kadir (2010) dan rakan-rakannya, manakala, teks *Sulalat al-Salatin`* dan teks *Tun Perak Pencetus Empayar Melaka Sulalat al-Salatin`* dan teks *Tun Perak Pencetus Empayar Melaka* dapat dikatakan sebagai teks-teks yang beraliran didaktisme. Didaktisme itu pula larut dalam keindahan dalaman yang mengunjurkan hal-hal yang berfaedah, yang baik-baik, bermoral dan beretika (A.Halim Ali, 2011). Selain itu, teks-teks ini juga menonjolkan elemen naluri kemanusiaan yang tinggi menerusi nilai-nilai bijaksana yang ada pada diri Tun Perak. Teks-teks yang berasaskan naluri menurut Ghazali Din & A.Halim Ali (2020) merupakan teks yang mampu memberi kesan emosi kepada pembaca berbanding teks yang langsung tidak mengambil kira sensitiviti khalayak pembaca. Berasaskan ciri-ciri ini, maka kajian ini mengusulkan satu kerangka model yang dapat menjelaskan konsep kepimpinan Tun Perak yang boleh menjadi panduan untuk membina dan merencanakan sebuah bentuk kepimpinan berintegriti dalam pentadbiran negara Malaysia pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Ali, A.H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>
- Abdul Halim Ali. (2009). `Akal Budi Dalam Sajak-Sajak Dharmawijaya`. *Jurnal e-UTAMA*. Vol. 2, 69-80
- Abdullah Hussain. (2005). *Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Amril Othman Mohamad Rodzi Abd. Razak (2016), Pimpinan Dan Pembinaan Negara Bangsa: Ketokohan Tun Perak Berdasarkan Teks Sulalat Us-Salatin Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah, *Kertas kerja*, Seminar Antarabangsa Ketokohan Tun Perak, anjuran Muzium Warisan Akademik UKM & Institut Kajian Sejarah & Patriotisme (IKSEP) 17 Oktober 2016.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/index.php/rumpun/article/view/5>
- Ghazali Taib & Abdul Halim Ali (2018) `Analisis Persejarahahan Baharu Dalam Novel `1515`, *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 13, 2018, 42-57

- Hamzah Hamdani. (1977). *Tun Perak Pahlawan Melaka*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni Text.
- Hailan Salamun, Hamdan Aziz, Fadzli Adam, Mustakimah Husein, Nik Anis Suhaila Nik Mohd & Rofishah Rashid. (2017), `Kepemimpinan Politik Melayu Membangunkan Masyarakat Bertamadun`. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 372-381
- Heni Rohaeni. (2016) `Model Gaya Kepemimpinan Dan Motivasi Terhadap Kinerja Pegawai` *Jurnal Beranda*, 4 (1) <https://www.britannica.com/biography/Tun-Perak>, dimuatturun pada 25.3.2021
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kembaren, M. M., & Ali, A. H. (2020). Deskripsi Peranan Dua Ikon Membentuk Keperibadian Dan Hala Tuju Kehidupan Arena Wati Dalam Teks `Enda Gulingku`. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 33-45. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3414>
- Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad (2016) `Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum`, *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 12 issue 9,138 – 149.
- Miski. (2016). Al-Qur'an Sebagai Sabab Wurū, *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis*, 17 (1), 123-146
- Mohd Sayuti, M. S., & Omar, J. (2017). Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5 (1), 171 - 192. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/52>
- Mohd Yusoff Hashim. (2008). *Tun Perak Dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa. Melaka*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Mubin Sheppard. (1969). *Tun Perak Malacca's Great Bendahara*. Kuala Lumpur: longman.
- Muhammad Haji Salleh. (2009). *Sulalat al Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu Karangan Tun Seri Lanang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos. (2017). `Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporari` *Jurnal Melayu*, Bil. 16(1) 2017, 62-81.
- Muhd Yusof Ibrahim. (2009). *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka*. Kuala Lumpur: TINTA Publishers.
- Mumtaz Began bt Abd Kadir, Norzaini Azman & Mohamed Sani Ibrahim. (2010). `Pengaruh Integriti Kepimpinan Terhadap Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh di Institusi Pengajian Tinggi MARA` *Akademika* 78, Jan-Apr., 67-75
- Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam.(2006). Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2014). *Semantik dalam Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Muhammad, S. J. (2014). Strategi Utusan Kerajaan dalam Menjalini Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 113 - 144. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1198>
- Othman Bin Mustapha `Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam: Pendekatan Melalui Program Nilai-Nilai Murni` *Jurnal Pengurusan Awam*, 2012, 7-16.
- Shaharir Mohamad Zain. (2013.) `Perkembangan Teori Kepemimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak Kedatangan Islam hingga Kini`. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 2013, p.19 - 38
- Suraiya Ishak. (2011). `Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad SAW`, *Jurnal Hadhari*, 3, (2) (2011) p. 23 – 44.